



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KESWIP HULUR BANTUAN PERSEKOLAHAN UNTUK ANAK - ANAK KUMPULAN PELAKSANA KWP

PUTRAJAYA, 9 Disember 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak - anak pegawai kumpulan pelaksana Kementerian Wilayah Persekutuan daripada 150 keluarga yang masih bersekolah rendah atau menengah.

Bantuan persekolahan ini adalah yang julung kalinya dibuat oleh Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Wilayah Persekutuan (KESWIP) bersama dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang bertujuan untuk membantu meringankan beban kos sara hidup pegawai kumpulan pelaksana dalam menyediakan keperluan anak - anak mereka yang masih bersekolah.

Pihak KESWIP memberikan sumbangan beg dan peralatan sekolah bernilai RM50 serta baucer pembelian tunai pusat pakaian Hari-Hari bernilai RM100. Manakala YWP juga turut memberikan sumbangan tambahan di bawah program Riang Ria Kembali ke Sekolah berupa baucer bernilai RM120 kepada 50 orang kanak - kanak di peringkat sekolah rendah yang boleh ditebus di mana - mana pusat penebusan *Starvillion* yang terpilih bagi mendapatkan 3 pasang pakaian seragam (*uniform*) sekolah, 2 pasang stokin dan 1 helai baju sukan.

KESWIP yang ditubuhkan pada 5 Julai 2007, mempunyai keanggotaan seramai 312 ahli sehingga ke hari ini. Sejak penubuhan ahli-ahli kelab sangat aktif dalam menjalankan aktiviti - aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan selaras dengan 6 teras utama KESWIP iaitu teras Kebajikan, Ekonomi, Sukan Rekreasi, Wasilah, Insaniah dan Prihatin. Antaranya adalah penglibatan ahli kelab dalam misi banjir pada tahun 2015 di Kuala Krai (Kelantan), Temerloh (Pahang) serta Kampong Gajah (Perak). Pada masa yang sama, KESWIP juga turut menganjurkan ibadah korban di kemboja bermula tahun 2018 hingga tahun 2019.

Dengan adanya sokongan yang utuh daripada pengurusan tertinggi kementerian. KESWIP akan terus maju ke hadapan dan menganjurkan lebih banyak aktiviti dan program kebajikan dan kemasyarakatan di masa - masa yang akan datang.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan